

Setem peringati jasa tiga bekas PM dilancar

KUALA LUMPUR, Jumaat — Semua bekas Perdana Menteri terdahulu adalah negarawan yang memiliki semangat nasionalisme tinggi untuk membangunkan negara, mewujudkan keharmonian hidup serta menaikkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, tiada siapa dapat menafikan asas pendekatan politik Malaysia dicipta dan dibangunkan oleh ketiga-tiga bekas Perdana Menteri, terutama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Hari ini, kita boleh berbangga Malaysia adalah sebuah negara yang berjaya mempraktikkan demokrasi melalui pilihanraya, penukaran kepemimpinan dan kerajaan diadakan tanpa keganasan atau rusuhan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis Pelancaran Setem Pos Kenang-Kenangan Bekas Perdana Menteri, di Pusat Islam, di sini.

Menurut beliau, usaha mengeluarkan setem pos kenang-kenangan adalah usaha yang tepat dan wajar serta membolehkan semua bekas Perdana Menteri itu diperkenalkan kepada masyarakat antarabangsa.

"Memandangkan esok hari ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-34 adalah wajar kita semua mengenang kembali sumbangan semua bekas Perdana Menteri melalui setem peringatan," katanya.

Mengimbas kembali sumbangan ketiga-tiga negarawan berkenaan, beliau berkata, Almarhum Tunku Abdul Rahman adalah negarawan yang berjuang untuk kemerdekaan negara 34 tahun lalu melalui usaha gigih tanpa pertumpahan darah.

"Di bawah kepemimpinan Almarhum juga Malaysia ditubuhkan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak pada 1963. Sepanjang menerajui pemerintahan negara, Tunku banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk membangun dan menyatupadukan negara.

"Memandangkan jasa dan pengorbanan Tunku kepada negara dan masyarakat, Almarhum Tunku digelar Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia," katanya.

Mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negarawan itu terkenal sebagai seorang yang berpandangan jauh serta semangat nasionalisme yang tinggi.

Menurutnya, di sebalik perwatakannya yang lemah lembut dan pendiam, Allahyarham adalah seorang pemimpin yang tegas, gigih serta berjaya mengubah masyarakat, khususnya di luar bandar.

"Dasar pelajaran negara banyak diasaskan kepada pemikirannya. Untuk membangunkan kawasan, Allahyarham mencipta sistem Buku Merah dan penggunaan maklum balas dan bilik gerakan," katanya.

Menurutnya, memandangkan sumbangan Allahyarham Tun Razak terhadap pembangunan negara adalah besar, beliau digelar 'Bapa Pembangunan' manakala sumbangan beliau kepada masyarakat luar bandar dan negara mendapat pengiktirafan dari Filipina dengan penganugerahan 'Magsaysay Award pada 1967'.

Mengenai Tun Hussein Onn pula, Perdana Menteri berkata, tokoh negarawan itu memberi banyak peluang kepada tokoh politik muda memegang jawatan penting dalam Kabinet.

"Sewaktu pemerintahan beliau, Amanah Saham Nasional (ASN) ditubuhkan untuk mengagih kekayaan korporat kepada lebih ramai rakyat Bumiputera. Sepanjang perkhidmatannya, beliau sentiasa menitikberatkan kerukunan hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan kesejahteraan setiap negara.

"Atas pengorbanan yang sedemikian, Allahyarham Tun Hussein Onn digelar Bapa Perpaduan," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan bercadang mewujudkan sebuah muzium peringatan untuk menghargai sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman.

Menurutnya, sebuah bangunan lama dalam kompleks Jabatan Perdana Menteri akan dibaiki serta diubahsuai bagi tujuan itu.